# MAKANAN TRADISIONAL

## Langkah Memartabatkan Makanan Tradisional

- peranan institusi pendidikan – makanan tradisi diterapkan dalam proses pengajaran & pembelajaran
  - kelas masakan
  - pertandingan masakan
  - penawaran kursus berkaitan makanan tradisional (IPTA/IPTS)
- media massa mempromosikan dan memperkenalkan makanan tradisional
  - makanan tradisional diselitkan dalam drama, filem
- ibu bapa/datuk nenek memperkenalkan makanan tradisional kepada anak-anak/cucu
  - menyajikan makanan tradisional sebagai menu istimewa hujung minggu – tidak hanya semasa hari perayaan / majlis keraian
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mempromosikan keunikan sajian tradisi negara
  - promosi melalui pelbagai platform - demonstrasi penyediaan makanan tradisional
  - Program Jelajah Budaya/ Karnival Makanan Tradisional
  - Jabatan Warisan Negaraberusaha mengumpulkan resipi lama dari seluruh negara untuk didokumentasikan

## Kepentingan Memartabatkan Makanan Tradisional

- menjana ekonomi negara melalui kedatangan pelancong
  - pelancong berpeluang melihat, merasai dan mempelajari kaedah penyediaan makanan tradisional di sesuatu tempat
  - pelancongan makanan - makanan tradisional sebagai produk tarikan pelancong
- warisan nenek moyang yang melambangkan adat, budaya & identiti sesuatu bangsa
- menjana pendapatan masyarakat melalui Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat
  - nasi lemak dinikmati dan digemari oleh masyarakat berbilang kaum

## Faktor Makanan Tradisional Semakin Dilupakan

- kurang pendedahan tentang makanan tradisional kepada generasi muda
  - generasi muda kini lebih mengagungkan makanan luar dan segera (fast food) kerana cepat dan mudah didapati
- makanan tradisional kurang dikomersialkan ke peringkat lebih tinggi
  - makanan moden seperti kek keju, *brownies* dan donat lebih mendapat tempat – disajikan di hotel, majlis anjuran kerajaan/swasta
- kekurangan penyambung legasi dalam penyediaan makanan tradisional
  - anak-anak muda kurang berminat untuk mempelajari cara pembuatan makanan tradisional yang rumit untuk disediakan & kekangan masa

cikgu ain

## CATATAN

Contoh makanan tradisional:

- nasi lemak
- akok
- pulut ikan kering
- kuih dangai
- cendol
- kek lapis Sarawak
- mi kolok
- kuih bulan

# BIDANG KEUSAHAWANAN

## Langkah Menggalakkan Generasi Muda Menceburi Bidang Keusahawanan



- kerajaan menyediakan pelbagai kursus dan latihan serta bantuan dana kepada usahawan muda
  - Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera
  - Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- media massa mempromosikan bidang keusahawanan
  - mendedahkan prospek kerjaya bidang tersebut kepada pelajar
  - menampilkan ikon usahawan muda
- ibu bapa memberikan galakan kepada anak-anak untuk menceburi bidang keusahawanan
- peranan institusi pendidikan – memberikan pendedahan awal kepada pelajar tentang keusahawanan
  - mewujudkan pandangan positif terhadap bidang ini
  - penganjuran Hari Keusahawanan di sekolah – pelajar diberi peluang berniaga
  - program Hari Kerjaya – menjemput usahawan berjaya untuk berkongsi pengalaman & memberikan motivasi
  - pemerkasaan koperasi sekolah

## Ciri-Ciri Usahawan Berjaya



- mempunyai disiplin dan semangat yang kuat
- memiliki ilmu pengetahuan yang luas mengenai bidang perniagaan yang diceburi
  - skil pengurusan kewangan, pentadbiran perniagaan dan pemasaran
- bijak mencari serta memanfaatkan peluang untuk semakin maju
- memiliki keupayaan berkomunikasi secara berkesan

## Faedah Menceburi Bidang Keusahawanan

cikgu ain

- mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan generasi muda
  - membantu mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran kerjaya yang sengit
- membantu menjanakan pertumbuhan ekonomi negara
  - aktiviti perniagaan berupaya menarik minat pelabur asing
- mengharumkan nama negara
  - penghasilan pelbagai produk menerusi inovasi dan kreativiti usahawan



## CATATAN

Cabaran untuk menceburi bidang keusahawanan:

- kekurangan modal
- kekurangan pengetahuan dan pengalaman tentang bidang keusahawanan
- persepsi dan pemahaman belia bahawa keusahawanan ialah kerjaya kelas kedua & tidak mempunyai masa depan yang cerah

# SEMANGAT PATRIOTISME

## Langkah Menyuburkan Semangat Patriotisme

**peranan kerajaan**

- kempen bertemakan patriotisme secara berterusan, bukan bermusim
- program kenegaraan – Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

**media massa menyiarkan drama / filem berunsurkan sejarah dan semangat cinta akan negara**

- Bukit Kepong
- Paskal The Movie
- Malbatt: Misi Bakara

**ibu bapa memberikan didikan kepada anak-anak sejak kecil tentang semangat patriotisme**

- membawa anak-anak melawat mercu tanda bersejarah – Tugu Negara, Fort Cornwallis
- mengibarkan Jalur Gemilang di rumah / kenderaan
- menonton perarakan sempena Hari Kebangsaan melalui televisyen, media sosial seperti Facebook dan Youtube

**peranan institusi pendidikan – menganjurkan pelbagai aktiviti sempena Bulan Kebangsaan**

- pertandingan pidato kenegaraan
- sayembara penulisan puisi
- bintang patriotik

## Faktor Kelunturan Semangat Patriotisme

**penularan budaya hedonisme, iaitu mementingkan hiburan dan keseronokan semata-mata**

- generasi kini kurang berminat mendalami sejarah negara kerana banyak disumbat dengan hiburan yang mudah diakses pada bila-bila masa

**kurang menghayati pengorbanan dan perjuangan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan**

- tidak pernah merasai keperitan kehidupan pada zaman penjajahan menyebabkan generasi kini leka dibuai kesenangan dan keselesaan

**pengaruh anasir negatif melalui platform media sosial**

- terdapat pihak tertentu yang menyebarkan isu perkauman, berita palsu, memburuk-burukkan negara melalui media sosial

## Kepentingan Mempunyai Semangat Patriotisme

**memelihara keutuhan perpaduan dalam masyarakat**

- semangat patriotisme tunjang kepada perpaduan masyarakat majmuk Malaysia

**membentuk identiti nasional sebagai bangsa Malaysia**

**memastikan kedaulatan negara sebagai sebuah negara yang merdeka terus terpelihara**

**melahirkan rakyat yang akan berkhidmat dengan cekap, yakin dan jujur dalam tindakan**

- rakyat akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan negara

## CATATAN

Kesan kelunturan semangat patriotisme:

- menimbulkan konflik dalam kalangan rakyat
- kedaulatan negara terancam
- imej negara terjejas
- pembangunan dan kemajuan tidak akan dapat dicapai

cikgu ain

# PENGURUSAN STRES

## Langkah Menangani Stres

**melaksanakan amalan kerohanian**
- solat, berdoa, membaca al-Quran, berzikir

**berkongsi masalah dan meluahkan perasaan kepada orang yang boleh dipercayai**
- dapat menenangkan jiwa dan perasaan kerana beban yang ditanggung dapat dilepaskan

**amalan gaya hidup yang sihat**
- mengamalkan pemakanan seimbang
- bersenam/ aktiviti riadah
- tidur yang mencukupi
- tidak merokok

**melakukan perkara yang diminati atau hobi – mendengar muzik, berkebun**

## Faktor Stres

**personaliti diri**
- terlalu mementingkan kesempurnaan
- terlalu bercita-cita tinggi

**faktor persekitaran**
- ancaman keselamatan
- persekitaran belajar/tempat kerja yang tidak kondusif

**masalah perhubungan**
- pergaduhan
- perceraian

**menghadapi perubahan besar dalam kehidupan**
- perpindahan
- kelahiran / kematian orang tersayang

## Kesan Stres

**menjejaskan kesihatan individu**
- individu berdepan risiko penyakit jantung, gangguan tidur, kemurungan serta kecenderungan mencederakan diri sendiri

**menjejaskan hubungan dengan orang lain**
- emosi yang tidak stabil akan menyebabkan mereka yang menghadapi stres akan mudah berasa kecewa dan mudah marah

**prestasi pelajaran atau kerja akan merosot**
- kesukaran untuk fokus terhadap tugas yang diberikan menyebabkan prestasi semakin merosot

## CATATAN

Tanda-tanda seseorang sedang mengalami stres:

Fizikal
- sakit kepala
- masalah tidur
- jantung berdebar-debar

Psikologi
- kurang daya tumpuan
- cepat marah
- rendah diri

cikgu ain

# KELUARGA BAHAGIA





## Langkah Membentuk Keluarga Bahagia

- ayah: mencari nafkah
- ibu: mendidik anak-anak
- anak: menjaga nama baik keluarga

**setiap ahli keluarga perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing**

**saling menghormati antara ahli keluarga**

- raikan pandangan dan pendapat semua ahli dalam keluarga

**sentiasa berkasih sayang sesama ahli keluarga**

- kasih sayang merupakan pemangkin semangat bagi setiap ahli keluarga
- amalan makan bersama
- ibu bapa sentiasa bertanya perkembangan anak-anak
- beriadah bersama pada hujung minggu



**mengamalkan amalan gaya hidup yang sihat**

- kesihatan ialah asas kepada kegembiraan dan kebahagiaan

## Kepentingan Keluarga Bahagia

**mengelakkan berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja**

- sahsiah diri, sikap dan personaliti seseorang remaja terbentuk menerusi peranan keluarga

**kurangnya jenayah - memastikan keharmonian masyarakat terpelihara**

- keluarga ialah unit terkecil dalam masyarakat, jika porak-peranda keluarga, maka akan porak-perandalah masyarakat

**meningkatkan prestasi dan produktiviti**

- tekanan yang dialami oleh seseorang individu akan hilang jika dikelilingi oleh keluarga yang sentiasa menyokong

## Faktor Keruntuhan Institusi Keluarga

**kesibukan bekerja bagi memenuhi tuntutan kehidupan**

- peningkatan kos sara hidup menyebabkan ibu bapa tiada masa untuk anak-anak

**ketagihan gajet**

- ahli keluarga kurang berkomunikasi antara satu sama lain

**kekurangan ilmu pengetahuan (ilmu keibubapaan, ilmu pengurusan kewangan)**

**kurangnya amalan agama dan moral dalam keluarga**

- ahli keluarga mudah terjebak dengan anasir negatif

## CATATAN

Peranan pelbagai pihak dalam membentuk keluarga bahagia:

- kerajaan – mengadakan kempen seperti Rumahku, Syurgaku, Bulan Keluarga Kebangsaan
- badan bukan kerajaan/ swasta – menganjurkan kursus keibubapaan
- media massa – filem/drama yang berunsur kekeluargaan

cikgu ain